

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mewujudkan sistem permohonan bantuan kebajikan dalam talian sepenuhnya yang boleh diakses melalui laman sesawang ataupun aplikasi telefon pintar tanpa perlu memuat turun borang seperti masa ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan bagi memastikan mereka yang miskin dan memerlukan seperti kanak-kanak, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya dapat dibantu melalui pelbagai skim bantuan yang disediakan.

Setiap permohonan bantuan yang diterima akan disiasat dan diberi pertimbangan berdasarkan kelayakan dan bukannya satu hak, tanpa mengira latar belakang kaum, agama, jantina atau fahaman politik. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.

Buat masa ini pihak Kementerian belum mempunyai sebarang cadangan untuk mewujudkan sistem permohonan bantuan kebajikan dalam talian sepenuhnya yang boleh diakses melalui laman sesawang ataupun aplikasi telefon pintar. Prosedur permohonan bantuan kebajikan

sekarang memerlukan pemohon mendapatkan pengesahan daripada saksi terhadap maklumat yang dinyatakan pada borang permohonan bantuan kebajikan yang terdiri daripada Wakil Rakyat / Pengerusi Mayang / NADI / MPWK / Penghulu / Ketua Kaum / Ketua Kampung / Pengerusi JKKK / JKKP / Imam / Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat bagi pemohon yang hadir terus ke Pejabat.

Walaupun, pemohon bantuan kebajikan boleh menyemak sendiri status permohonan yang telah dibuat melalui pautan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (SPBK) yang disediakan di laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu dengan memasukkan nombor Kad Pengenalan mereka di ruangan yang disediakan.